

Perancis tingkat kerjasama dengan Malaysia

UM 23 JUL 2003
PUTRAJAYA 22 Julai – Perancis mahu mengadakan lebih banyak kerjasama dengan Malaysia terutama dalam bidang ekonomi, pendidikan dan sosial, kata Presidennya Jacques Chirac.

Katanya, ini termasuk mewujudkan forum perdagangan antara kedua negara bagi meningkatkan hubungan dagangan Malaysia dan Perancis.

“Pada masa ini hubungan dua hala antara Malaysia dan Perancis berkembang dengan baik terutama dalam bidang sosial, teknologi, saintifik dan pendidikan selain bidang ekonomi,” katanya dalam sidang akhbar bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Seri Perdana di sini malam ini.

Dalam meningkatkan hubungan dua hala itu, Chirac juga mencadangkan supaya diadakan lebih banyak program pertukaran pelajar antara kedua negara selain penubuhan forum perdagangan itu.

Dengan itu katanya, pelajar Malaysia boleh melanjutkan pelajaran ke negara itu manakala Perancis pula boleh menghantar pelajarannya ke negara ini.

Pada masa yang sama Presi-

den Perancis itu turut mencadangkan supaya diwujudkan pusat pendidikan Perancis di Malaysia khususnya untuk menyediakan pengajaran bahasa Perancis kepada rakyat Malaysia.

Sementara itu ketika ditanya mengenai persaraan Dr. Mahathir Oktober ini, Chirac berkata, dunia akan mengalami kerugian besar sekiranya Dr. Mahathir tidak memainkan peranan yang aktif dalam arena antarabangsa selepas persaraannya pada Oktober ini.

“Bukanlah hak saya untuk menyatakan apa yang beliau patut buat selepas ini tetapi apa yang saya boleh katakan ialah seluruh dunia akan rugi besar sekiranya Dr. Mahathir tidak memainkan peranan (di peringkat antarabangsa), dengan dinamisme dan kebijaksanaan yang ditunjukkannya,” kata Chirac.

Beliau turut memuji pembangunan Putrajaya yang diilhamkan oleh Perdana Menteri sebagai sebuah bandar raya yang menggabungkan ekspresi kemodenan, kebudayaan dan tradisi.

“Ini adalah pertama kali saya menyaksikan Putrajaya dan ia adalah sesuatu yang

hebat serta menjadi bukti bahawa Asia boleh menempa kejayaan,” ujarnya.

Sementara itu, Dr. Mahathir ketika ditanya mengenai keadaan di Myanmar berkata, pemimpin junta tentera negara itu masih berpeluang untuk member-i maklum balas terhadap tekanan dunia untuk membebaskan pemimpin pro-demokrasi, Aung San Suu Kyi.

“Tetapi apa pun yang kita lakukan, jangan fikirkan untuk menceroob Myanmar untuk membuat perubahan rejim,” katanya, disambut oleh ketua para hadirin termasuk Chirac.

Presiden Perancis itu kemudiannya menyatakan persetujuan beliau dengan pandangan Dr. Mahathir dan sokoneannya terhadap demokrasi se& kebebasan Suu Kyi.

Mengenai pendirian Perancis dan Malaysia dalam isu pembangunan semula Iraq, kedua-dua pemimpin menyatakan mereka mempunyai pendapat yang sama iaitu negara itu akan menghadapi masa yang lebih sukar.

“Kami mempunyai pendapat yang sama sebelum, semasa ataupun selepas perang,” tegas Chirac.